

**SITI NORANIZAH HAFIZAH** Boyman  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **PILIHAN RAYA NEGERI MELAKA 2021: CERMINAN PILIHAN RAYA UMUM 15?**

### ***MALACCA STATE ELECTION 2021: A REFLECTION OF 15th GENERAL ELECTION?***

*Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka telah diadakan pada 20 November 2021 apabila empat orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (dua dari United Malays National Organisation (UMNO), satu daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan satu daripada Bebas) menarik sokongan daripada kepimpinan negeri yang diterajui oleh Barisan Nasional (BN). PRN ini telah mengembalikan kuasa kepada rakyat untuk memilih pemimpin pilihan mereka. Keputusan menunjukkan kuasa dikembalikan semula kepada BN dengan mendapat kemenangan bergaya majoriti dua pertiga. Justeru, artikel ini akan meneliti beberapa aspek daripada PRN Melaka iaitu perbandingan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 14 dan PRN 2021 di Melaka, pola sokongan pengundi dan analisis kemenangan BN sama ada boleh menjadi kayu ukur menjelang PRU 15. Untuk mencapai objektif yang diperlukan, kajian ini menggunakan analisis kandungan dan sumber sekunder. Hasil kajian mendapati pola sokongan pengundi di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka kepada BN sangat tinggi dan konsisten pada PRU 1 hingga PRU 13 dan PRN 2021. BN berada dalam kedudukan yang selesa dengan majoriti dua pertiga setiap kali pilihan raya kecuali PRU 14. Selain itu, dapatan menunjukkan kawasan-kawasan yang ditandingi BN pada PRN Melaka mengalami peningkatan prestasi. Peningkatan prestasi ini jelas terutamanya rakan komponennya seperti Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC) yang sebelum ini gagal memenangi kerusi pada PRU 14. Manakala di pihak Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN), menunjukkan penurunan prestasi secara keseluruhan. Parti Islam Se Malaysia (PAS) juga masih gagal memenangi kerusi pada PRU 14 dan PRN Melaka. Dapatan kajian juga mendapati ada enam perkara yang boleh dijadikan indikator sama ada PRN Melaka boleh dijadikan kayu ukur kepada PRU 15 iaitu kekuatan parti yang bertanding, manifesto, kempen dan strategi, undi majoriti, masa dan isu. Secara keseluruhannya, dalam persaingan menuju PRU 15 ini, BN telah berjaya mendahului PH dan PN di kerusi DUN Melaka. Implikasinya, parti lawan sedang mengatur strategi untuk bersaing*

*pada PRU 15 dan pelbagai kemungkinan boleh berlaku seperti penggabungan atau ahli parti yang melompat.*

**Kata kunci:** *Pilihan Raya Negeri Melaka, Barisan Nasional, Pola Pengundian, Politik Pilihan Raya Malaysia, PRU 15*

*The Melaka State Election (PRN) took place on November 20, 2021. It happened when four State Assemblymen (ADUN) (two from the United Malays National Organization (UMNO), one from Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), and one Independent representative) withdrew support from the state leadership led by Barisan Nasional (BN). This PRN has returned the mandate to the people to elect the leader of their choice. The results showed that BN regained control with a two-thirds majority victory. Thus, this article will look at several aspects from the Melaka PRN, such as the comparison of the results of the 14th General Election (GE) and the 2021 PRN in Melaka, the pattern of voter support, and an analysis of BN's victory to see if it can be used as a yardstick in the upcoming GE-15. This study found that the voter support for BN at the Melaka State Assembly (DUN) level is very high and consistent from GE 1 to GE 13 and PRN 2021. Except for GE-14, BN is comfortable with a two-thirds majority in every election. Findings show that the areas contested by BN in the Melaka PRN have improved in performance. This improvement is evident, especially among its component partners, such as the Malaysian Chinese Association (MCA) and the Malaysian Indian Congress (MIC), both of which failed to win seats in GE14. Meanwhile, the overall performance of Pakatan Harapan (PH) and Perikatan Nasional (PN) has declined—Parti Islam Se Malaysia (PAS) also failed to win seats in the GE14 and PRN Melaka. The study also discovered six factor that can be utilized to determine whether the Melaka PRN can be used as a yardstick for GE-15, namely the strength of the contesting parties, manifesto, campaign and strategy, majority vote, timing, and issues. Overall, in the race to GE-15, BN has managed to outperform PH and PN in the Melaka state seat. The implication is that the opposition party is strategizing to compete in GE15, and various possibilities such as mergers or party defections, could occur.*

**Keywords:** *Malacca State Election, Barisan Nasional, Voting Pattern, Electoral Politics, GE 15.*

## **Pengenalan**

PRU 14 yang diadakan pada Mei 2018 mencatatkan sejarah dalam pilihan raya di Malaysia apabila PH berjaya mengambil Kerajaan Persekutuan daripada

BN yang telah memerintah lebih 60 tahun. Walau bagaimanapun, siri-siri pergolakan dan ketidakstabilan politik banyak berlaku pasca PRU 14. Situasi ini berlaku selepas PH tumbang di peringkat Persekutuan pada Februari 2020 apabila BERSATU bertindak keluar daripada PH dan membentuk PN bersama parti pembangkang ketika itu termasuk BN dan PAS.

Akibat daripada perubahan kerajaan di peringkat Persekutuan, beberapa negeri menerima tempas perubahan Kerajaan Negeri seperti di Perak, Melaka, Johor dan Kedah. Sabah juga menghadapi krisis politik dan berlaku perubahan. Namun, berlainan pula yang berlaku di Sabah, apabila DUN dibubarkan dan PRN di Sabah (26 September 2020) juga terpaksa diadakan selepas dua tahun Parti Warisan Sabah (WARISAN) dan sekutunya mengambil alih kerajaan daripada BN. Dalam politik yang serba tidak mustahil dan gejala “politik katak” yang menjadi-jadi pasca PRU 14, sudah tentu pilihan raya boleh berlaku pada bila-bila masa. Pernyataan ini bukan hanya “cakap-cakap” kerana sudah terbukti dengan berlakunya “politik katak” menyebabkan PRN terpaksa dijalankan sewaktu pandemik COVID-19 dan memberi implikasi kepada kenaikan kes selepas PRN di Sabah.

Begitu juga yang berlaku pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada 20 Mei 2021. Krisis politik di Melaka berlaku apabila ADUN dalam parti kerajaan, ADUN UMNO iaitu Idris Haron bekas Ketua Menteri Melaka (Sg. Udang) dan Nor Azman Hassan (Pantai Kundor), dari BERSATU Noor Effandi Ahmad (Telok Mas) dan ADUN Bebas Norhizam Hassan Baktee (Pengkalan Batu) telah menarik sokongan terhadap Kerajaan Negeri pimpinan Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

Situasi PRN Melaka ini membawa kepada pelbagai ramalan-ramalan politik. Ada yang mengatakan PRN adalah tempat untuk menguji kekuatan parti-parti yang bertanding? Hal ini kerana pada PRN Melaka, BN bertanding secara solo tidak bersekutu dengan PN. Namun, PAS pula telah memilih untuk bergabung dengan PN. Adakah dengan kegagalan memenangi kerusi dalam PRN Melaka, PAS akan memilih semula bersama BN dengan Muafakat Nasional (MN) atas nama penyatuan ummah? Atau bersetia dengan PN. Adakah PRN Melaka boleh dijadikan kayu ukur kepada PRU 15?

## **Perkembangan Politik Melaka**

Semenjak merdeka hingga PRU 13, politik Melaka dikuasai sepenuhnya oleh Parti Perikatan/BN (Rujuk Rajah 1). Dapat dikatakan Melaka adalah kubu kuat parti Perikatan/BN. Walau bagaimanapun, buat pertama kali, *status quo* ini goyah pada PRU 14 apabila PH berjaya memenangi kerusi DUN melebihi dua kerusi daripada BN. Namun, PH hanya dapat memerintah di Melaka selama 22 bulan sahaja kerana berlakunya krisis politik. Pada ketika inilah politik di Melaka mendapat perhatian khusus.

Krisis politik pertama di Melaka berlaku selepas 22 bulan PH mengambil alih Kerajaan Negeri Melaka daripada BN. PH di Melaka jatuh apabila BERSATU bergabung dengan BN. Empat ADUN menarik sokongan daripada PH menjadikan kerusi BN daripada 13 kerusi bertambah menjadi 17. Empat ADUN tersebut ialah dua daripada ADUN BERSATU iaitu Mohd Rafiq Naizamohideen (Paya Rumput) dan Noor Effandi Ahmad (Telok Mas) dan dua lagi daripada *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Muhammad Jailani Khamis (Rembia) dan Norhizam Hassan Baktee (Pengkalan Batu).

Krisis “berpaling tadah” yang disangka telah selesai sekali lagi muncul pada Oktober 2021. Krisis ini berlaku apabila ADUN BN sendiri iaitu ADUN UMNO, Idris Haron bekas Ketua Menteri Melaka (Sg. Udang) dan Nor Azman Hassan (Pantai Kundor), dari BERSATU Noor Effandi Ahmad (Telok Mas) dan ADUN Bebas Norhizam Hassan Baktee (Pengkalan Batu) telah menarik sokongan terhadap Kerajaan Negeri pimpinan Sulaiman Md Ali. Penarikan sokongan ini telah menyebabkan DUN dibubarkan dan PRN diadakan pada 20 November 2021. Hasil daripada PRN, keputusan menunjukkan pengundi menyebelahi BN dengan menang majoriti dua pertiga iaitu 21 kerusi. Ada dua perkara yang boleh dilihat daripada keputusan PRN ini terhadap politik di Melaka. Pertama, keputusan majoriti dua pertiga ini membawa makna yang besar kepada kestabilan politik di Melaka, dan sukar digugat. Kedua, adakah dapatan ini menunjukkan *status quo* politik BN telah kembali semula di Melaka seperti sebelum PRU 14?

### Keputusan PRU 14 dan PRN 2021 di Melaka

Politik Malaysia pasca PRU 14 membawa banyak perubahan dalam sejarah pilihan raya di Malaysia. Sehingga artikel ini ditulis, parti yang memerintah Kerajaan Persekutuan telah berubah sebanyak tiga kali. Bermula dengan kemenangan PH pada PRU 14, kemudian langkah Sheraton pada Februari 2020 dengan PN menjadi kerajaan dan yang terkini Kerajaan “Keluarga Malaysia” yang dipimpin oleh Ismail Sabri. Melaka juga menerima kesan yang sama, berlaku perubahan kerajaan negeri.

**Jadual 1: Keputusan Pilihan Raya DUN, Melaka**


PARTI	PRU 14		PRN 2021	
	Tanding	Menang	Tanding	Menang
BN	28	13	28	21
*PAS	24	0	8	0
PKR	8	3	11	0
DAP	8	8	8	4
*BERSATU	6	2	15	2
AMANAH	6	2	9	1
*GERAKAN	-	-	5	0

PUTRA	-	-	5	0
IMAN	-	-	1	0
Bebas	5	0	22	0
JUMLAH		28		28

Sumber: Diubah suai daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2021a, 2021b)

Pada 20 November 2021 PRN Melaka telah dilaksanakan dengan 122 calon melibatkan parti-parti di bawah gabungan BN, PN, PH, Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA), Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN) dan Bebas. Manakala PRU 14 telah dijalankan pada 09 Mei 2018, calon yang bertanding dalam DUN di Melaka adalah seramai 85 orang calon dan melibatkan Parti BN, PH, PAS dan Bebas. Calon dan parti yang bertanding pada PRN 2021 lebih ramai berbanding pada PRU 14. Implikasinya banyak calon dalam satu kerusi yang dipertandingkan hingga melibatkan tiga hingga enam penjurong dan menyebabkan undi terpecah. Manakala dari segi jumlah pengundi berdaftar, pada PRN Melaka seramai 495,196 orang pengundi dan PRU 14, jumlah pengundi berdaftar adalah seramai 494,662 orang pengundi.<sup>1,2</sup> Sementara itu, jumlah peratusan keluar mengundi pada PRN Melaka hanya 65.85 peratus, turun berbanding 84.93 peratus pada PRU 14, agak meleset dari jangkaan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).<sup>3</sup>

**Rajah 1: Perbandingan Undi Majoriti yang dimenangi BN pada PRN Melaka 2021 dengan PRU 14**



Sumber: Diubah suai daripada SPR (2021a; 2021b)

Keputusan PRU 14 di Melaka menunjukkan PH menang 15 kerusi, BN 13 kerusi dan PAS gagal memenangi sebarang kerusi.<sup>4</sup> Namun, keputusan yang berbeza terjelma selepas tiga tahun PRU 14 diadakan. Merujuk Jadual 1, keputusan PRN negeri Melaka pada 20 November 2021 menunjukkan BN atau UMNO menang bergaya dengan mengukuhkan kedudukan dengan majoriti dua pertiga - 21 kerusi (UMNO 18, MCA 2 dan MIC 1). Manakala pihak lawan, PH memenangi lima kerusi dan PN dua kerusi. Manakala PAS gagal memenangi mana-mana kerusi. Boleh dikatakan situasi PRN Melaka hampir sama mengulangi kemenangan BN pada PRU 13 dengan kedudukan BN juga 21 kerusi.<sup>5</sup>

Jadual 1 memaparkan keputusan PRU 14 dan PRN Melaka 2021. Turut disenaraikan dalam jadual adalah parti-parti politik yang bertanding pada PRU 14 iaitu BN, PH (PKR, DAP, Parti Amanah Negara (AMANAH) dan BERSATU) dan PAS. Pada PRU 14, PAS tidak bergabung dengan mana-mana parti dan bertanding di 24 kerusi DUN. Pada PRN Melaka 2021 masih parti yang sama bertanding namun ada sedikit perbezaan apabila Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) bertanding di bawah payung PN. Kemudian, BERSATU juga bertanding dengan bergabung bersama PAS di bawah PN. Manakala PUTRA dan IMAN turut serta menghantar calon memeriahkan lagi suasana pertandingan pada PRN di Melaka.

Berdasarkan Jadual 1, hasil analisis mendapati pada PRU 14 BN telah bertanding di semua kawasan DUN iaitu 28 kerusi dan memenangi 13 kerusi. Keputusan ini menunjukkan penurunan sebanyak 8 kerusi berbanding PRU 13. Antara kerusi yang tidak berjaya dikekalkan oleh BN ialah Rembia (N06), Machap Jaya (N08) dan Kelebang (N14) yang dimenangi oleh PKR. Manakala Gadek (N07) dan Bemban (N24) ditawan oleh DAP. Kemudian Paya Rumpit (N13) dan Telok Mas (N23) dirampas oleh BERSATU. Akhir sekali, Durian Tunggal (N09) berjaya diambil oleh AMANAH. Namun, BN berjaya menebus semula kekalahan pada PRU 14 dengan menawan semula kawasan yang gagal dimenangi pada PRN Melaka kecuali di Bemban (N24). Secara keseluruhannya, prestasi BN atau parti komponennya UMNO, MCA dan MIC pada PRN Melaka telah bertambah baik dan mendapat kepercayaan rakyat semula apabila berjaya mengukuhkan kedudukan dengan majoriti dua pertiga, 21 kerusi (Rajah 1).

Sementara itu pada PRU 14, PH menang 15 kerusi dengan PKR tiga kerusi, DAP lapan kerusi, BERSATU dua kerusi dan AMANAH dua kerusi. Namun prestasi PH pada PRN Melaka menurun sebanyak 67 peratus apabila gagal mempertahankan 10 kerusi yang dimenangi pada PRU14, hanya menang lima kerusi sahaja pada PRN Melaka. Kawasan yang gagal dipertahankan oleh PKR adalah Rembia (N06) diambil UMNO, Machap Jaya (N08) dan Kelebang (N14) dirampas oleh MCA. Kemudian, BERSATU keluar daripada PH, kedua-dua kerusi tersebut juga gagal dipertahankan apabila Paya Rumpit (N13) dan Telok Mas (N23) berjaya diambil semula oleh UMNO. Prestasi DAP juga

menurun apabila hilang empat kerusi pada PRN di Melaka berbanding lapan pada PRU 14. Antara kawasan yang gagal dipertahankan ialah Pengkalan Batu (N15) dan Duyong (N21) yang berjaya diambil UMNO. Dua lagi kawasan ialah Gadek (N07) dirampas oleh MIC dan Bemban (N24) ditawan oleh BERSATU. Begitu juga dengan AMANAH, hilang satu kerusi pada PRN Melaka daripada dua yang dimenangi pada PRU 14. AMANAH berjaya mengekalkan Bukit Katil (Bukit Baru) dengan majoriti yang menurun daripada 3159 undi kepada 1057 undi majoriti, gagal mempertahankan Durian Tunggal (N09), jatuh ke tangan UMNO.

Manakala BERSATU pada PRN Melaka 2021 gagal mempertahankan kerusi yang dimenangi pada PRU 14 iaitu di Paya Rumput (N13) dan Telok Mas (N23), berjaya diambil semula oleh UMNO. Namun begitu, BERSATU berjaya merampas dua kawasan baharu iaitu di Sungai Udang (N11) dan Bemban (N24).

Parti seterusnya yang bertanding pada PRU 14 di Melaka ialah PAS. Pada PRU 14, PAS bertanding secara solo tanpa gabungan mana-mana parti di 24 kerusi DUN berbanding hanya 13 kerusi pada PRU 13, gagal memenangi mana-mana kerusi berbanding satu kerusi pada PRU 13. Kawasan yang dimenangi oleh PAS pada PRU 13 ialah Bukit Baru/Bukit Katil (N17) dengan majoriti tipis 48 undi dan berjaya dirampas oleh AMANAH pada PRU 14 dengan majoriti 3159 undi (Rajah 1). Manakala pada PRN Melaka, PAS bergabung dengan BERSATU di bawah PN. Bertanding lapan kerusi, namun gagal buat kali kedua untuk memenangi mana-mana kerusi.

Selain itu, ada tiga parti yang sebelum ini tidak bertanding dalam PRU 14 di Melaka tetapi turut bertanding dalam PRN Melaka iaitu GERAKAN, PUTRA dan IMAN. GERAKAN bertanding lima kerusi di bawah payung PN, namun gagal memenangi mana-mana kerusi. Begitu juga PUTRA, bertanding lima kerusi, namun gagal memenangi hati pengundi. Sama dengan IMAN yang bertanding satu kerusi, namun gagal untuk menang.

Manakala untuk calon Bebas, terdapat 22 calon bertanding dalam PRN Melaka berbanding lima pada PRU 14. Namun, kesemuanya gagal menawan hati pengundi. Dengan penambahan parti baharu dan calon Bebas, banyak kerusi yang ditandingi pada PRN Melaka melibatkan tiga hingga enam penjur. Antara kawasan yang melibatkan enam penjur ialah Gadek (N07), Asahan (N10), dan Duyong (N21). Implikasinya, undi terpecah dan majoriti sokongan juga menurun.

Secara keseluruhannya, keputusan PRN Melaka menunjukkan peningkatan prestasi BN, dengan menunjukkan konsisten dalam mengekalkan momentum sokongan pengundi seperti sebelum PRU 14. Manakala PH, prestasi agak menurun kerana PKR gagal mempertahankan tiga kerusi yang dimenangi pada PRU 14 (Rembia (N06), Machap Jaya (N08) dan Kelebang (N14)). Begitu juga DAP apabila hilang empat kerusi, tiga kepada BN (Pengkalan Batu (N15), Duyong (N21) dan Gadek (N07)) dan satu kepada BERSATU



(Bemban (N24)). Manakala AMANAH hanya berjaya mengekalkan satu kerusi daripada dua yang dimenangi pada PRU 14. Sementara itu, PN juga menurun apabila BERSATU gagal mengekalkan kawasan yang dimenangi pada PRU 14 tetapi berjaya menawan Sungai Udang (N11) dan Bemban (N24) dengan majoriti tipis. PAS yang bergabung dengan PN pula gagal memenangi mana-mana kerusi. Pada pandangan penulis, berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, kekuatan sebenar parti-parti yang bertanding ini bergantung kepada banyak faktor. Bagi PRU 15, faktor masa adalah begitu kritikal, masa yang tepat bila PRU 15 akan dijalankan dan gerak strategi yang tepat akan memberikan kelebihan kepada parti. Berdasarkan PRN Melaka ini sudah tentu PH dan PN akan mengatur strategi yang lebih baik dalam PRU 15 nanti. Manakala di pihak BN, menunjukkan peningkatan prestasi secara keseluruhan. Perkara ini jelas terutamanya rakan komponennya seperti MCA dan MIC yang sebelum ini gagal memenangi mana-mana kerusi yang ditandingi pada PRU 14 di Melaka berbanding dengan UMNO. Sudah tentu, kemenangan ini memberi semangat baharu kepada mereka.

### **Pola Sokongan Pengundi pada PRU 1 hingga 14 dan PRN 2021 di Melaka**


Politik di Melaka dominan diperintah oleh parti Perikatan/BN daripada PRU yang Pertama hingga PRU 13. Perubahan politik di Melaka bermula pada PRU 14 apabila PH berjaya merampas Melaka daripada BN, bukan lebih awal seperti di Selangor atau Perak pada PRU 12.<sup>6</sup> Berdasarkan Rajah 2, parti Perikatan/BN memerintah Melaka dalam keadaan yang stabil kerana memperolehi majoriti dua pertiga setiap kali pilihan raya diadakan dari PRU 1 (menang semua kerusi) sehingga PRU 13. Walaupun pada PRU 10 dan PRU 12 ada negeri yang bertukar parti pemerintah, Melaka tidak tergugat. Melaka tidak begitu terkesan pada PRU 10, hanya hilang satu kerusi. Begitu juga pada PRU 12, politik Melaka tidak terkesan, berbeza di Perak dan Selangor yang bertukar pemerintahan daripada BN kepada Pakatan Rakyat (PR).<sup>7</sup> Manakala Selangor, kekal diperintah oleh PR (kini dikenali sebagai PH) hingga kini. Begitu juga di Perak, yang mengalami perubahan pemerintahan pada PRU 12, PRU13, PRU14 dan pasca PRU 14.<sup>8</sup>

Berdasarkan Rajah 2, analisis menunjukkan sokongan pengundi terhadap Perikatan/BN kukuh sehingga PRU 13. Selain itu, Perikatan/BN berada dalam kedudukan yang selesa dan stabil. Antara PRU yang menunjukkan Perikatan/BN mendapat sokongan yang kuat daripada pengundi ialah pada PRU 1, PRU 2, PRU 6 dan PRU 11. Pada PRU 1, BN menyapu bersih semua kerusi yang ditandinginya mengalahkan PAS, *Front Socialist* (FS) dan Parti Malaya. Manakala pada PRU 2, BN memenangi 18 daripada 20 kerusi yang ditandinginya. Dua kerusi berjaya dimenangi oleh FS di kawasan Kota Selatan (N06) dan Kota Tengah (N07). Begitu juga pada PRU 6, BN memenangi 18 daripada 20 kerusi yang ditandinginya. Dua kawasan lagi



dimenangi oleh DAP iaitu di kawasan Durian Daun (N19) dan Kubu (N18). PRU 11 juga menunjukkan keputusan yang sama mendapat 26 kerusi daripada 28 kerusi secara keseluruhan. Kawasan Kota Laksamana (N20) dan Bandar Hilir (N22) dimenangi oleh DAP.

**Rajah 2: Kerusi dimenangi BN dan Lain-lain Parti Peringkat DUN (1959-2021)**



Sumber: Diubahsuai daripada Ensiklopedia Keputusan PRU Parlimen & DUN 1959-1999 (2004) & SPR (2006; 2009; 2015; 2021a; 2021b)

Secara keseluruhannya, pola sokongan pengundi peringkat DUN kepada BN sangat tinggi sehingga PRU 13. BN berada dalam kedudukan yang kuat dan stabil kerana momentum sokongan pengundi yang tinggi hingga mendapat majoriti dua pertiga setiap kali pilihan raya. Perubahan sokongan pengundi hanya berlaku pada PRU 14 apabila PH berjaya menawan Melaka, namun sokongan pengundi hanya memberi perbezaan dua kerusi sahaja. Kedudukan yang sengit ini menyebabkan Kerajaan PH mudah digugat dan implikasinya berlaku perubahan pada tahun 2020, apabila berlaku perubahan parti yang memerintah kerajaan di Persekutuan. Akhirnya BN berjaya mengambil semula Melaka pada Mac 2020. Walaupun berlaku pergolakan politik pada Oktober 2021, PRN Melaka 2021 dapat membuktikan bahawa kepercayaan dan sokongan pengundi di Melaka masih kuat kepada BN.

**Analisis kemenangan BN dalam PRN 2021 di Melaka dan PRU 15**

Dalam sejarah perkembangan politik dan pentadbiran di negara ini, ternyata Negeri Melaka mempunyai catatan sejarah yang signifikan pada PRU 14 dan PRN 2021 apabila boleh memberikan impak besar dalam pembentukan

kerajaan. Merujuk kepada perkembangan politik di Melaka, ada beberapa perkara yang boleh diambil sebagai petunjuk atau perkara penting yang boleh dijadikan sebagai indikator dalam pilihan raya. PRN Melaka 2021 membawa kepada spekulasi politik yang menyatakan bahawa sebagai tempat untuk menguji kekuatan parti-parti yang bertanding? Hal ini kerana pada PRN Melaka, BN bertanding secara solo tidak bersekutu dengan PN. Berbeza dengan PAS yang memilih untuk bergabung dengan PN. Namun, adakah PRN Melaka boleh dijadikan kayu ukur kepada PRU 15? Berdasarkan analisis yang dilakukan, terdapat enam perkara yang boleh dilihat untuk dijadikan indikator berdasarkan keputusan PRN Melaka iaitu kekuatan parti yang bertanding, manifesto, kempen dan strategi, undi majoriti, masa dan isu.

Pertama, kekuatan parti yang bertanding dalam PRN Melaka. Berdasarkan analisis yang dilakukan, keputusan PRN Melaka menunjukkan prestasi BN meningkat lebih 30 peratus dengan pertambahan lapan kerusi berbanding pada PRU 14. Manakala prestasi PH pula, menurun dengan banyak iaitu 67 peratus apabila kehilangan 10 kerusi. Penurunan prestasi ini diperkukuhkan lagi dengan undi popular PH yang jatuh daripada 50.8 peratus pada PRU 14 kepada 35 peratus pada PRN Melaka.<sup>9</sup> Walaupun BN menang majoriti dua pertiga pada PRN Melaka, undi popular hanya meningkat 0.05 peratus daripada 37.5 peratus kepada 38 peratus.<sup>10</sup> Manakala prestasi PN pada PRN Melaka adalah 24 peratus, tidak dapat dibandingkan dengan PRU 14 kerana bergabung dengan PH.<sup>11</sup> Selain itu, situasi PRN Melaka ini berbeza dengan Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca PRU 14 kerana PAS bergabung dengan BN pada ketika itu. Oleh itu, hasil analisis ini menemukan dua perkara penting, iaitu keputusan PRN Melaka ini membawa makna BN masih mendapat sokongan pengundi di Melaka walaupun tidak bersekutu dengan mana-mana parti. Selain itu, perubahan PRU 14 di Melaka bukan perubahan yang kekal seperti Kerajaan PH di Selangor atau Pulau Pinang. Hal ini kerana Melaka memang kubu kuat BN sejak PRU 1 sehingga PRU 13 (Rujuk Rajah 2). Kerusi yang dimenangi BN sepanjang PRU 1 hingga PRU 13 menang majoriti dua pertiga sepanjang 13 kali pilihan raya. Setakat ini hanya gelombang PRU 14 dapat membawa perubahan kepada politik Malaysia, Melaka dan beberapa negeri yang lain. Banyak faktor yang saling berkaitan menyebabkan perubahan ini berlaku, antaranya isu semasa yang melibatkan masalah ekonomi, politik dan sosial.<sup>12</sup> Namun, aktor badan bukan kerajaan juga memainkan peranan dalam perubahan yang berlaku dengan siri-siri perhimpunan jalanan yang dianjurkan, menaikkan momentum sokongan pengundi kepada pembangkang.<sup>13</sup> Selain itu, penurunan jumlah peratusan keluar mengundi yang menurun pada PRN Melaka iaitu 65.85 peratus, berbanding 84.93 peratus pada PRU 14, perlu diambil kira dalam persediaan menjelang PRU 15 nanti.<sup>14</sup> Hal ini kerana jumlah peratusan keluar mengundi akan memberi impak kepada keputusan pilihan raya.

Kedua, perkara yang perlu dianalisis ialah manifesto. Hal ini kerana Manifesto berkait erat dengan gagasan bahawa pilihan raya memberikan mandat

kepada parti untuk menyediakan dasar dan membentangkan ringkasannya kepada pengundi.<sup>15</sup> Bukan itu sahaja, fungsi manifesto juga berkaitan rapat dengan kempen pilihan raya.<sup>16</sup> Manifesto memberikan ringkasan kedudukan parti, memperkemas kempen, dan digunakan sebagai bahan kempen.<sup>17</sup> Oleh kerana manifesto digunakan secara meluas dan dianggap sebagai ‘berwibawa’ dan ‘pernyataan wakil untuk seluruh parti’, maka ahli saintis politik juga sering menggunakannya untuk menyelidiki kedudukan parti.<sup>18</sup> Berdasarkan kajian lepas juga menunjukkan manifesto boleh mempengaruhi pengundian pengundi seperti kekalahan PRK Cameron Highlands.<sup>19</sup> Hal ini kerana manifesto yang telah dijanjikan tidak ditunaikan kepada rakyat.<sup>20</sup> Dapat dilihat, PRN Melaka membawa pelbagai tawaran kepada pengundi. Parti-parti politik telah merangka manifesto yang diyakini dapat memenangi hati pengundi berdasarkan kepada keperluan dan permasalahan semasa yang dihadapi oleh masyarakat umum. Dalam saingan merebut perhatian dan sokongan para pengundi, ternyata parti BN juga berupaya menengahkan manifesto yang tidak kurang hebat dan bermakna. Dengan tema “Kestabilan Demi Kemakmuran”, BN membawakan idea dan tawaran menjadikan politik Melaka stabil dan makmur.<sup>21</sup> Begitu juga dengan manifesto PH, menawarkan manifesto yang pragmatik dan membawa makna dengan tema “Maju Bersama Harapan”.<sup>22</sup> Sebuah pelan tindakan untuk menangani kegawatan dan menstabilkan politik. Sebagai pengimbang kepada pihak lawan, manifesto PN dengan tema “Melaka Bangkit Gemilang” menjanjikan keprihatinan kepada rakyat Melaka.<sup>23</sup> Hasil analisis manifesto, mendapati BN dan PH menjanjikan kestabilan secara literal, hal ini lantaran situasi pergolakan politik dan pertukaran kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri yang menyebabkan ketidakstabilan politik. Dalam kedudukan ini tumpuan diberikan kepada strategi untuk lebih menjadikan politik yang stabil dan memakmurkan segenap aspek kehidupan rakyat. Tawaran daripada BN dan PH ini adalah memenuhi harapan rakyat untuk mendapatkan kestabilan politik dan meneruskan kebajikan dan kemakmuran rakyat. Namun, hasil analisis mendapati manifesto PN tidak menyentuh berkaitan kestabilan politik. Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan ketiga-tiga manifesto memberikan tawaran yang hampir sama dalam perancangan menangani masalah dan pembangunan ekonomi. Dapat dilihat beberapa tawaran yang memperkasakan kedudukan belia, manifesto BN menawarkan untuk mewujudkan Dewan Undangan Negeri Belia di bawah Teras 3 Kecekapan Tadbir Urus.<sup>24</sup> Begitu juga yang ditawarkan oleh PN dalam mewujudkan Dewan Undangan Negeri Belia di bawah Strategi 3 Memperkasa Belia.<sup>25</sup> Pada pandangan penulis, manifesto yang memperkasakan belia ini adalah satu persediaan ke arah pelaksanaan undi 18 pada PRU 15 nanti dengan mengiktiraf fungsi belia dalam memberi input kepada pentadbiran kerajaan.


Perkara ketiga, kempen dan strategi. Pada PRN Melaka, SPR telah menetapkan beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) kempen antaranya, hanya membenarkan membuka satu Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Utama)

untuk satu DUN, tiada Bilik Gerakan Kecil, ceramah yang menghimpunkan orang ramai tidak dibenarkan, aktiviti ziarah ke rumah-rumah pengundi dan aktiviti *walkabout* adalah tidak dibenarkan, dan kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara tidak dibenarkan berhenti di sepanjang laluan dalam menyampaikan ceramah.<sup>26</sup> Justeru, kempen kali ini adalah berbeza dan perlu diambil kira dalam analisis kerana tidak sama dengan pada PRU 14. Pada PRN Melaka kempen menggunakan medium atas talian atau melalui saluran media massa dan media sosial dimaksimumkan. Walaupun tidak dinafikan ada calon dan penyokong yang melanggar ketetapan yang telah diberikan oleh SPR. Pada pandangan penulis, metod atau kaedah yang berbeza boleh mempengaruhi pengundi secara langsung atau tidak langsung. Penggunaan medium media sosial telah lama digunakan dan mempunyai pengaruhnya sendiri.<sup>27</sup> Manakala Pinkleton et al. mengatakan penggunaan media secara positif boleh meramalkan tingkah laku pengundi.<sup>28</sup> Kemudian, kajian Pinkleton dan Austin juga mengatakan bahawa media bertindak sebagai pemangkin untuk membuat keputusan politik.<sup>29</sup> Begitu juga Overby & Barth, pendedahan kepada media boleh mempengaruhi sikap warganegara.<sup>30</sup> Muhamad Nadzri pula mengatakan parti yang bertanding di dalam pilihan raya boleh terkejut dengan maklumat-maklumat di media baru di internet seperti laman web, blog dan forum terbuka.<sup>31</sup> Justeru ini membawa makna penggunaan media sosial ada kelebihan yang tersendiri.<sup>32</sup> Oleh itu, dapat dikatakan bahawa penggunaan media dalam kempen pilihan raya membawa impak yang positif secara tidak langsung terhadap sokongan pengundi kepada parti atau calon. Maka, ini dapat menafikan tindakan SPR yang mengetatkan SOP kempen PRN di Melaka menyebabkan calon atau parti yang bertanding sukar mendapat sokongan pengundi. Selain itu, pengalaman dari PRN Melaka membolehkan parti politik, calon dan juga SPR membuat penambahbaikan bagi persediaan pada PRU 15 nanti. Hal ini kerana PRU 15 akan melibatkan pilihan raya seluruh negara dan jika tidak diambil langkah SOP yang cermat dan teliti akan menyebabkan penularan virus COVID-19 meningkat seperti yang pernah berlaku semasa PRN di Sabah.

Perkara keempat adalah undi majoriti. Undi majoriti yang diperolehi oleh calon yang menang boleh menjadi petunjuk untuk memperlihatkan sokongan pengundi terhadap calon atau parti. Secara keseluruhan daripada 21 kawasan yang dimenangi oleh BN pada PRN 2021 seperti Rajah 1, menunjukkan beberapa petunjuk penting, antaranya terdapat sepuluh kerusi yang dimenangi meningkat undi majoriti (N01, N04, N05, N07, N10, N12, N14, N18, N23, N25, N27). Paling cemerlang adalah di kerusi Merlimau (N27) meningkat 24 kali ganda, Asahan (N10) sepuluh kali ganda dan Lendu (N04) lima kali ganda. Namun, untuk PRU 15 BN perlu berwaspada di empat kawasan berikut kerana majoriti yang sangat tipis dengan 79 undi majoriti iaitu Serkam (N26), 115 undi di Pengkalan Batu (N15), 200 undi di Duyong (N21) dan akhir sekali 364 undi di Tanjung Bidar (N02). Hal ini

kerana dengan undi majoriti tipis ini mudah digugat dan dirampas oleh pihak lawan. Manakala PH pula, undi majoriti yang diperolehi di empat kawasan yang dimenangi oleh DAP menurun dengan banyak (Rajah 3). Daripada empat kawasan tersebut, kawasan yang mendapat undi majoriti paling menurun ialah Kota Laksamana (N20) dengan penurunan sebanyak 71 peratus undi majoriti, menjadi 11,494. Kemudian diikuti oleh Kesidang (N19) dengan undi majoriti 10,237 bersamaan dengan penurunan sebanyak 70 peratus. Manakala Bandar Hilir (N22) mendapat 7,778 undi majoriti bersamaan penurunan 68.7 peratus, begitu juga Ayer Keroh (N16) mendapat 5,624 undi bersamaan 60.7 peratus penurunan undi majoriti. Sementara itu, AMANAH yang memenangi Bukit Katil (N17) mendapat 1,057 undi majoriti dengan penurunan sebanyak 33.4 peratus. Hasil analisis ini menunjukkan pola sokongan pengundi kepada DAP pada PRN 2021 telah berubah dan memberi implikasi kepada penurunan undi majoriti dan kehilangan empat kerusi yang dimenangi pada PRU 14. Justeru, sebelum menjelang PRU 15 DAP perlu mengenalpasti punca penurunan sokongan berlaku dan mengatur strategi bagi menawan semula kerusi yang dirampas oleh pihak lawan. Hal ini juga berlaku kepada AMANAH yang mengalami penurunan undi majoriti dan kehilangan satu kerusi.

**Rajah 3: Perbandingan Undi Majoriti yang dimenangi PH pada PRN Melaka 2021 dengan PRU 14**



Sumber: Diubah suai daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2021a; 2021b)

Untuk PN pula, kerusi yang dimenangi oleh BERSATU di Sungai Udang (N11) mendapat 530 undi majoriti, menurun berbanding pada PRU 14 sebanyak 2229 undi majoriti. Kemudian, di kerusi Bemban (N24) mendapat undi majoriti sebanyak 328, juga menurun berbanding pada PRU 14 sebanyak 1345 undi majoriti. Bagi PN yang bertanding pada PRN 2021 tanpa bergabung

dengan BN, keputusan ini sudah tentu menjadi indikator untuk mengatur strategi dan gerak kerja pilihan raya untuk memenangi PRU 15. Selain itu, faktor peratusan pengundi keluar juga penting untuk diambil kira pada PRU 15 nanti kerana pada PRN Melaka hanya 65.85 peratus, agak meleset dari jangkaan SPR.<sup>33</sup> Berbanding jumlah peratusan keluar mengundi pada PRU 14 iaitu 84.93 peratus. Jumlah peratusan keluar mengundi akan mempengaruhi jumlah undi majoriti. Selain itu, perlu diambil perhatian juga terutamanya jumlah anak muda atau belia yang berumur 18 tahun yang akan mengundi pada PRU 15, sudah tentu akan memberikan satu indikator penting tentang bagaimana mereka mengundi, apa dan siapa pilihan mereka. Hal ini kerana kali pertama mereka mengundi. Maka, sokongan anak muda atau belia yang berumur 18 tahun kepada parti dan calon akan memberi kesan langsung yang signifikan terhadap jumlah undi majoriti yang dimenangi.

Kelima adalah masa. Hal ini kerana masa atau bila PRU 15 akan dijalankan juga boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya. Menurut Smith, masa adalah permainan politik yang penting dalam menentukan tarikh pilihan raya.<sup>34</sup> Disokong oleh Sobehy et al. yang menyatakan bahawa faktor masa adalah penting dalam pilihan raya kerana pendapat pengundi akan berubah dari semasa ke semasa.<sup>35</sup> Oleh sebab itu, selepas PRN Melaka, dapat dilihat kenyataan di media-media, BN menyatakan PRU 15 perlu disegerakan.<sup>36</sup> Jika dilihat faktor masa, sudah tentu BN mempunyai kelebihan jika dilakukan dengan segera.<sup>37</sup> Mengapa BN meminta perlu disegerakan? Pertama boleh dilihat dari segi momentum jentera parti BN yang sedang bersemangat kerana kemenangan PRN Melaka. Kedua, persekitaran pengundi yang mahukan politik yang stabil. Akhir sekali, gabungan parti yang goyah, buktinya BN, BERSATU dan PAS adalah gabungan parti-parti yang membentuk Kerajaan Persekutuan, namun bertanding sesama sendiri dalam PRN Melaka.<sup>38</sup> Jadi beberapa sebab ini menjadi sandaran BN meminta untuk diadakan segera PRU 15. Namun, jika dilihat dari sudut parti yang memerintah, kelebihan tetap ada pada mereka kerana boleh menentukan tarikh bubar parlimen dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong. Berdasarkan pengalaman beberapa siri PRU yang lalu antaranya PRU 10 telah diadakan pada November 1999. Tarikh pilihan raya ini tidak diduga oleh ramai pemerhati kerana hari membuang undi iaitu 29 November jatuh pada musim peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang dianggap tidak sesuai kerana penggunaan sekolah sebagai tempat mengundi akan mengganggu perjalanan peperiksaan.<sup>39</sup> Tindakan Dr Mahathir ini dikatakan membuktikan kehebatannya memilih tarikh yang tidak diduga oleh sesiapa pun. Menurut Anzia, tarikh pilihan raya di luar waktu yang sesuai akan mempengaruhi jumlah peratusan keluar mengundi.<sup>40</sup>

Keenam isu, pelbagai isu telah diketengahkan dalam kempen PRN Melaka 2021. Pada peringkat ini, lebih banyak isu setempat diangkat untuk dijadikan modal dalam kempen. Ternyata empat isu tempatan yang paling menonjol telah diwacanakan dalam kempen parti politik sepanjang tempoh

kempen 11 hari itu. Isu tersebut meliputi aspek kepemimpinan, ekonomi, sosial dan isu melibatkan permasalahan nasional. Isu-isu ini telah diperdebatkan dengan meluas dan seimbang oleh parti-parti politik yang bertanding dalam pelbagai medium sama dalam bentuk ceramah (dalam majlis tertentu) atau di media sosial. Menurut Alvarez, pelbagai isu boleh mempengaruhi pengundi, tetapi isu ekonomi mempunyai kesan terhadap pengundian.<sup>41</sup> Kesemua parti yang berkempen memberikan hujah dan perdebatan berkisar isu-isu ini dengan memberikan justifikasi dan penolakan terhadap hujah lawan. Pada PRN Melaka isu setempat amat dekat dengan pengundi berbanding pengaruh isu nasional. Maklumat yang diperolehi melalui pelbagai media moden yang amat mudah dicapai, membolehkan kempen yang dijalankan oleh parti politik berjaya sampai kepada pengundi dalam tempoh yang singkat sehingga memudahkan pengundi membuat penilaian dan keputusan pilihan calon mahupun parti apabila mengundi. Beberapa kajian menunjukkan bahawa isu juga boleh mempengaruhi kemenangan dan kekalahan dalam pilihan raya, antaranya ialah di Kedah berkaitan dengan isu air domestik.<sup>42</sup> Selain itu, boleh juga dilihat di Sarawak berkaitan dengan isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).<sup>43</sup> Kemudian jika dilihat dalam konteks kejatuhan BN di Persekutuan kombinasi pelbagai faktor dan isu merupakan punca kejatuhan BN pada PRU 14.<sup>44</sup>

Sebagai natijahnya, keputusan PRN Melaka 2021 telah memperlihatkan keputusan majoriti dua pertiga kepada BN, mengembalikan semula kuasa kepada BN. Walaupun pada peringkat awal didapati agak sukar untuk diramalkan parti-parti politik yang akan memenangi PRN Melaka 2021 ternyata BN telah berjaya mendahului PH dan PN di kerusi DUN. Hasil daripada perkembangan ini, tampak kepimpinan negeri kekal semula kepada pihak BN.

## Kesimpulan

Pada PRU 14 yang lalu, PH telah berjaya membentuk kerajaan di negeri Melaka. Walau bagaimanapun, berdasarkan keputusan PRU 14 dapat dikatakan kedudukan PH dan BN hampir sama kuat kerana PH hanya melebihi dua kerusi daripada BN. Kedudukan yang sengit ini dilihat agak goyah kerana sekiranya berlaku perubahan kedudukan beberapa kerusi atau pakatan, parti yang pemerintah boleh jatuh. Seperti yang dijangka, pada Februari 2020, Kerajaan Negeri Melaka di bawah PH jatuh apabila BERSATU bertindak keluar dari PH. Kemudian berlaku sekali pergolakan politik pada Oktober 2021 hingga menyebabkan pembubaran DUN apabila empat orang ADUN (dua dari UMNO, satu daripada BERSATU dan satu daripada Bebas) menarik sokongan daripada kepimpinan negeri yang diterajui oleh BN. PRN yang dijalankan pada 20 November 2021 telah mengembalikan semula kuasa kepada rakyat untuk memilih pemimpin pilihan mereka. Keputusan menunjukkan kuasa



dikembalikan semula kepada BN dengan mendapat kemenangan majoriti dua pertiga.

Selain itu, hasil daripada analisis yang dilakukan dapat disimpulkan bahawa pola sokongan pengundi di peringkat DUN di negeri Melaka kepada BN sangat kuat dan kukuh sehingga PRU 13 dan PRN 2021. BN berada dalam kedudukan yang selesa walaupun ada sedikit turun naik sokongan tersebut. Namun, perubahan sokongan pengundi hanya berlaku pada PRU 14. Analisis menunjukkan kawasan-kawasan yang ditandingi BN pada PRN Melaka mengalami peningkatan prestasi. Peningkatan prestasi ini jelas terutamanya rakan komponennya seperti MCA dan MIC yang sebelum ini gagal memenangi kerusi pada PRU 14. Manakala di pihak PH dan PN, menunjukkan penurunan prestasi secara keseluruhan. PAS juga masih gagal memenangi kerusi pada PRU 14 dan PRN Melaka.

Kemudian, dapatan juga menunjukkan bahawa ada enam perkara yang boleh dijadikan indikator sama ada PRN Melaka boleh dijadikan kayu ukur kepada PRU 15 iaitu kekuatan parti yang bertanding, manifesto, kempen dan strategi, undi majoriti, masa dan isu. Secara keseluruhannya, BN sememangnya telah bertambah kuat berbanding PRU 14, manakala PH dan PN pula dilihat hilang beberapa kawasan yang dimenangi pada PRU 14 dan kawasan-kawasan yang dimenangnya pula, undi majoriti menurun dengan banyak. Dalam persaingan menuju PRU 15 ini, BN telah berjaya mendahului PH dan PN di kerusi DUN Melaka. Sudah tentu parti lawan sedang mengatur strategi untuk bersaing pada PRU 15 nanti, mungkin perlu ada pemangkin dan pecutan dari pihak lawan.

## Nota Akhir

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Kenyataan Media Bil.13/ 2021 Urusan Pilihan Raya Umum DUN Melaka ke 15*, 2021f. <https://www.spr.gov.my/sites/default/files> [28 November 2021].
2. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14*, 2021a. [www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raja](http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raja) [19 November 2021].
3. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Kenyataan Media Bil.28/ 2021 Keputusan Penuh pada Pilihan Raya DUN Melaka ke 15*, 2021e. <https://dashboard.spr.gov.my/#!/home> [28 November 2021].
4. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14*, 2021a. [www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raja](http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raja) [19 November 2021].
5. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-13*, 2015.
6. Siti Noranizahhafizah Boyman. 2015. *Pola pengundian Orang*

- Melayu di Selangor*, 2015.
7. Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Anak Jawan, *Kegoyahan Pakatan Rakyat di Perak*, 2016.
  8. Siti Noranizahhafizah Boyman et al., *Rasional Politik Pilihan Raya di Perak dalam PRU-14*, 2021.
  9. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14*, 2021a. [www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya](http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya) [19 November 2021].
  10. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Keputusan Pilihan Raya DUN Melaka ke 15 2021*, 2021b. [www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya](http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya) [28 November 2021].
  11. Ibid.
  12. Muhamad Takiyuddin Ismail & Muhamad Nadzri Mohamed Noor, *Revolusi senyap 9 Mei 2018*, 2018.
  13. Mohammad Agus Yusoff & Muhammad Mashril Abdul Jalil, *Pengaruh aktor campur tangan halus dalam PRU 14*, 2019. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Kenyataan Media Bil.28/ 2021 Keputusan Penuh pada Pilihan Raya DUN Melaka ke 15*, 2021e. <https://dashboard.spr.gov.my/#!/home> [28 November 2021].
  15. Rose, R., *Do parties make a difference?*, 1984.
  16. Powell, G. B. Jr., *Elections as instruments of democracy*, 2000.
  17. McDonald, M. D., Mendes, S. M. & Budge, I., *What are elections for? Conferring the median mandate*, 2004.
  18. Pettitt, R. T., *The 'How' of Election Manifestos in the British Labour Party: A Source of Ongoing Controversy*, 2018.
  19. Rohaniza Idris, *Manifesto PH: Tak mansuh PTPTN, lanjutkan tempoh bayar*, 2018.
  20. Suresh Kumar N Vellymalay, *Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands: Kemenangan BN atau kekalahan PH?*, 2019.
  21. Barisan Nasional, *Kestabilan Demi Kemakmuran*, 2021.
  22. Pakatan Harapan, *Manifesto PH Maju Bersama Harapan*, 2021.
  23. Perikatan Nasional, *Manifesto PN Melaka Bangkit Gemilang*, 2021.
  24. Barisan Nasional, *Kestabilan Demi Kemakmuran*, 2021.
  25. Perikatan Nasional, *Manifesto PN Melaka Bangkit Gemilang*, 2021.
  26. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Kenyataan Media Bil.25/ 2021 Pengundi pada Pilihan Raya DUN Melaka ke 15*, 2021d. [www.spr.gov.my/sites/default/files](http://www.spr.gov.my/sites/default/files). [28 November 2021].
  27. Syed Arabi Idid & Mazni Buyong, *Malaysia's General Election 1995: People, issues and media use*, 1995.
  28. Pinkleton, B. E., Austin, E. W. & Fortman K. J., *Relationships of media use and political disaffection to political efficacy and voting behavior*, 1998.
  29. Pinkleton, B. E. & Austin, E. W., *Individual Motivations, Perceived*

- Media Importance, and Political Disaffection, 2001.
30. Overby, L. M. & Barth, J., *The Media, the Medium, and Malaise: Assessing the Effects of Campaign Media Exposure with Panel Data*, 2009.
  31. Muhamad Nadzri Mohamed Nor, *Politik Malaysia di persimpangan praktik politik dalam PRU 2008 dan kontemporari*, 2009.
  32. Noor Zafira Mohd Shafie & Syahrudin Hj. Awg Ahmad, *Peranan media sebagai pembentuk semangat nasionalisme dalam kempen Pilihan Raya Umum (PRU) di era sebelum merdeka hingga kini*, 2017.
  33. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Kenyataan Media Bil.28/ 2021 Keputusan Penuh pada Pilihan Raya DUN Melaka ke 15*, 2021e. <https://dashboard.spr.gov.my/#!/home> [28 November 2021].
  34. Smith, A., *Election Timing*, 2004.
  35. Sobehy A., Ben-Amieur W., Afifi H., Bradai A., *How to Win Elections*, 2017.
  36. Muhammad Yusaini Muhammad Yunus, 2021, PRU 15 perlu dilaksanakan segera selepas MOU tamat. *Sinar Harian*, 25 November, [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my). [27 November 2021].
  37. Astro Awani, 2021, *Tok Mat cadang adakan PRU 15 segera*. 21 November, <https://www.astroawani.com/video-malaysia/pru-15-tok-mat-cadang-pertimbang-adakan-pru-15-segera>. [26 November 2021].
  38. Mohammad Tawfik Yaakub, *The battle of three political regimes in malaysia prior and post GE 14th: An analysis of Barisan Nasional, Pakatan Harapan & The Formation of Perikatan Nasional (PN)*, 2021.
  39. Siti Noranizahhafizah Boyman, *Analisis Pilihan Raya Umum 2008*, 2008.
  40. Anzia, Sarah F., *Election Timing and the Electoral Influence of Interest Groups*, 2011.
  41. Alvarez, R. M., Nagler, J. & Willette, J.R., *Measuring the relative impact of issues and the economy in democratic elections*, 2000.
  42. Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor, *Isu bekalan air domestik: Antara kejayaan dan kekalahan pada PRU14 di negeri Kedah*, 2018.
  43. A Rahman Tang Abdullah & Pandikar Amin Haji Mulia, *Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan hak autonomi Sabah dan Sarawak dalam konteks sejarah dan PRU-14*, 2018.
  44. Muhammad Ariff Asyrul Adnan & Sity Daud, *Manifesto Barisan Nasional dan kejatuhan Najibnomics dalam Pilihan Raya Umum Ke-14*, 2018.

## Rujukan

- Alvarez, R. M., Nagler, J. & Willette, J.R. 2000. Measuring the relative impact of issues and the economy in democratic elections, *Electoral Studies*, Vol. 19, No. 2–3, hlm. 237-253.
- Anzia, Sarah F. 2011. Election Timing and the Electoral Influence of Interest Groups. *The Journal of Politics*, Vol. 73, No. 2, hlm. 412–27, DOI: org/10.1017/s0022381611000028.
- Astro Awani. 2021. *Tok Mat cadang adakan PRU 15 segera*. 21 November, <https://www.astroawani.com/video-malaysia/pru-15-tok-mat-cadang-pertimbang-adakan-pru-15-segera>. [26 November 2021].
- A Rahman Tang Abdullah & Pandikar Amin Haji Mulia. 2018. Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan hak autonomi Sabah dan Sarawak dalam konteks sejarah dan PRU-14. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, hlm. 291-317.
- Barisan Nasional. 2021. *Kestabilan Demi Kemakmuran*. <https://www.facebook.com/barisanasional>. [26 November 2021].
- Ensiklopedia Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen dan Dewan Undangan Negeri 1959-2004*. 2008. Shah Alam: Bookdigital Sdn. Bhd.
- McDonald, M. D., Mendes, S. M. & Budge, I. 2004. What are elections for? Conferring the median mandate. *British Journal of Political Science*, Vol. 34, No. 1, hlm. 1–26.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. 2018. Isu bekalan air domestik: Antara kejayaan dan kekalahan pada PRU14 di negeri Kedah. *Jurnal Peradaban*, Vol. 11, hlm. 115-150.
- Mohammad Agus Yusoff & Muhammad Mashril Abdul Jalil. 2019. Pengaruh aktor campur tangan halus dalam PRU 14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, Vol. 46, No. 2, hlm. 178-195.
- Mohammad Tawfik Yaakub. 2021. The battle of three political regimes in malaysia prior and post GE 14th: An analysis of Barisan Nasional, Pakatan Harapan & The Formation of Perikatan Nasional (PN). *International Journal of Politics, Publics Policy and Social Works*, Vol. 3, No. 8, hlm. 29-38.
- Muhamad Nadzri Mohamed Nor. 2009. *Politik Malaysia di persimpangan praktik politik dalam PRU 2008 dan kontemporari*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2018. Revolusi senyap 9 Mei 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, Vol. 45, No. 2, hlm. 161-185.
- Muhammad Ariff Asyurul Adnan & Sity Daud. 2018. Manifesto Barisan Nasional dan kejatuhan Najibnomics dalam Pilihan Raya Umum Ke-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, Vol. 45,

- No. 2, hlm. 343-366.
- Muhammad Yusaini Muhammad Yunus. 2021. PRU 15 perlu dilaksanakan segera selepas MOU tamat. *SinarHarian*, 25 November, www.sinarharian.com.my. [27 November 2021].
- Noor Zafira Mohd Shafie & Syahrudin Hj. Awg Ahmad. 2017. Peranan media sebagai pembentuk semangat nasionalisme dalam kempen Pilihan Raya Umum (PRU) di era sebelum merdeka hingga kini. *Jurnal Komunikasi Borneo*, Vol. 5, hlm. 30-38.
- Overby, L. M. & Barth, J. 2009. The Media, the Medium, and Malaise: Assessing the Effects of Campaign Media Exposure with Panel Data. *Mass Communication and Society*, Vol. 12, No. 3, hlm. 271-290, DOI: 10.1080/15205430802461095.
- Pakatan Harapan. 2021. *Manifesto PH Maju Bersama Harapan*. <https://www.facebook.com/pakatanharapan.my>. [26 November 2021].
- Perikatan Nasional. 2021. *Manifesto PN Melaka Bangkit Gemilang*. <https://www.facebook.com/perikatan>. [26 November 2021].
- Pettitt, R. T. 2018. The 'How' of Election Manifestos in the British Labour Party: A Source of Ongoing Controversy. *Party Politics*, Vol. 24, No. 3, hlm. 289–295, DOI:10.1177/1354068816678889.
- Pinkleton, B. E., Austin, E. W. & Fortman K. J. 1998. Relationships of media use and political disaffection to political efficacy and voting behavior, *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, Vol. 42, No. 1, hlm. 34-49, DOI: 10.1080/08838159809364433.
- Pinkleton, B. E. & Austin, E. W. 2001. Individual Motivations, Perceived Media Importance, and Political Disaffection. *Political Communication*, Vol. 18, No. 3, hlm. 321-334, DOI: 10.1080/10584600152400365
- Powell, G. B. Jr. 2000. *Elections as instruments of democracy*. New Haven: Yale University Press.
- Rohaniza Idris. 2018. Manifesto PH: Tak mansuh PTPTN, lanjutkan tempoh bayar. *Berita Harian*, 08 Mac, www.bharian.com. [27 Julai 2018].
- Rose, R. 1984. *Do parties make a difference?* London: Macmillan.
- Siti Noranizahhafizah Boyman. 2008. *Analisis Pilihan Raya Umum 2008* (Tidak diterbitkan tesis Sarjana), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Noranizahhafizah Boyman. 2015. *Pola pengundian Orang Melayu di Selangor* (Tidak diterbitkan tesis PhD), Universiti Putra Malaysia.
- Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Anak Jawan. 2016. Kegoyahan Pakatan Harapan di Perak. Dlm. Mohd Takiyuddin & Sity Daud (pnyt). *Pilihan raya umum ke-13 kesinambungan politik baru dan kekentalan politik lama*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Siti Noranizahhafizah Boyman, Yazid Salleh, Mohmadisa Hashim, Hanifah Mahat, Nasir Nayan & Samsudin Suhaili. 2021. Rasional Politik Pilihan Raya di Perak dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (pnyt). *Dinamika Politik*

- Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*. Kota Bharu, Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Smith, A. 2004. *Election Timing*. United States of America: Cambridge University Press.
- Sobehy A., Ben-Ameur W., Afifi H., Bradai A. 2017. How to Win Elections. Dlm. Wang S., Zhou A. (eds) *Collaborate Computing: Networking, Applications and Worksharing*. CollaborateCom. 2016. *Lecture Notes of the Institute for Computer Sciences, Social Informatics and Telecommunications Engineering*, Vol. 201. Springer, DOI: [org/10.1007/978-3-319-59288-6\\_20](https://doi.org/10.1007/978-3-319-59288-6_20).
- Suresh Kumar N Vellymalay. 2019. Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands: Kemenangan BN atau kekalahan PH?. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 16, No. 5, hlm. 1-14.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2006. *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2009. *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-12*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2015. *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-13*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2021a. *Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14*. [www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya](http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya). [19 November 2021].
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2021b. *Keputusan Pilihan Raya DUN Melaka ke 15 2021*. [www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya](http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihan-raya). [28 November 2021].
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2021c. *Pencalonan pada Pilihan Raya DUN Melaka ke 15 2021*. <https://dashboard.spr.gov.my/#!/home>. [28 November 2021].
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2021d. *Kenyataan Media Bil.25/ 2021 Pengundi pada Pilihan Raya DUN Melaka ke 15*. <https://www.spr.gov.my/sites/default/files>. [28 November 2021].
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2021e. *Kenyataan Media Bil.28/ 2021 Keputusan Penuh pada Pilihan Raya DUN Melaka ke 15* <https://dashboard.spr.gov.my/#!/home>. [28 November 2021].
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2021f. *Kenyataan Media Bil.13/ 2021 Urusan Pilihan Raya Umum DUN Melaka ke 15*. <https://www.spr.gov.my/sites/default/files>. [28 November 2021].
- Syed Arabi Idid & Mazni Buyong. 1995. *Malaysia's General Election 1995: People, issues and media use*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **Nota Biografi**

Siti Noranizahhafizah Boyman (noranizah@fsk.upsi.edu.my) (BA (Hons), M.S.Sc. (UKM); Ph.D. Pol. Sc. (UPM): beliau merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak. Bidang pengkhususan beliau ada Politik & Kerajaan yang merangkumi Politik Pilihan Raya dan Politik Malaysia secara umumnya.